

Peserta industri puji tindakan proaktif kerajaan

Kuala Lumpur: Peserta industri memuji tindakan proaktif kerajaan kerana cepat menyelesaikan isu peningkatan harga simen yang dilihat akan memberi impak besar kepada seluruh rantaian sektor pembinaan.

Peningkatan antara 40 peratus hingga 50 peratus harga simen bukan hanya memberi kesan kepada syarikat kontraktor dan pemaju, malah turut menjejaskan pengguna kerana harga rumah akan meningkat.

Presiden Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia, Datuk Mokhtar Samad, berkata keputusan pengeluar tidak menaikkan harga simen selepas campur tangan kerajaan, melegakan kontraktor kerana mereka mungkin menghadapi masalah kewangan jika harga bahan binaan itu dinaikkan.

Bukti kerajaan prihatin

"Kami bersyukur dan gembira dengan perkembangan ini. Ia membuktikan kerajaan bukan hanya prihatin kepada nasib industri pembinaan, tetapi juga hak pengguna yang mungkin terkesan kenaikan harga simen ini.

"Tindakan pantas Kementerian patut dipuji kerana dapat menyekat peningkatan harga sebelum berlaku. Kita harap lebih banyak perjumpaan Kementerian dengan pemain industri selepas ini," katanya.

Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Datuk Soan Heng Choon, pula berkata beliau berterima kasih kepada kerajaan yang mengambil tindakan pantas menyelesaikan isu kenaikan harga bahan binaan itu tanpa polemik yang panjang.

"Kami bersyukur kerana perkara ini dapat ditangani dengan cepat. Jika tidak, ia pasti mewujudkan kesan yang teruk kepada industri pembinaan dan pengguna," katanya.



Tindakan pantas Kementerian ini patut dipuji kerana dapat menyekat peningkatan harga sebelum ia berlaku"

Mokhtar Samad,
Presiden Persatuan Kontraktor Bumiputera